

BAB 5

KESIMPULAN

Dalam industri penerbitan, kertas yang digunakan untuk mencetak buku dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kertas yang disalut (*coated*) dan kertas yang tidak disalut (*uncoated*). Kertas bersalut sesuai untuk kerja cetakan separa ton (*halftone printing*), manakala kertas yang tidak bersalut sesuai untuk kerja cetakan teks atau garisan (*text or line printing*).

Penyelidikan yang dilakukan menggambarkan terdapatnya beberapa jenis kertas yang dikenali pasti penggunaannya dalam penerbitan buku dagang. Jenis-jenis kertas yang digunakan dalam penerbitan buku dagang, didapati juga penggunaannya di dalam jenis-jenis penerbitan buku lain. Namun begitu, jenis-jenis kertas yang digunakan di dalam penerbitan buku dagang adalah lebih pelbagai seperti *Woodfree (simili)*, *Art Paper (matt dan glossy)*, *Light Weight Coated (LWC)*, *Hibrite* dan *Newsprint*, iaitu sama ada terdiri daripada kategori *coated* atau *uncoated*. Kepelbagaian jenis kertas yang digunakan bertujuan untuk memenuhi citarasa sasaran pembaca dan pembeli yang lebih luas berbanding dengan jenis penerbitan lain, umpamanya buku teks sekolah yang hanya mensasarkan pelajar-pelajar sekolah dan biasanya, kertas yang digunakan adalah daripada jenis *Simili* atau *Newsprint*.

Berdasarkan pecahan kategori kertas daripada Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), jenis-jenis kertas seperti *Woodfree (simili)*, *Art Paper (matt dan gloss)*, *Light Weight Coated (LWC)*, *Hibrite* diletakkan di bawah kategori *Writing/printing Paper*, manakala jenis *Newsprint* dijadikan suatu kategori yang tersendiri. Dalam perusahaan penerbitan buku negara, jenis-jenis kertas ini sentiasa mendapat permintaan yang meluas. Walau bagaimanapun, hasil pemerhatian lapangan yang dilakukan mendapati bahawa jenis kertas *Woodfree (Simili)* yang paling banyak digunakan dalam penerbitan buku dagang terutama bagi berat (*substance*) kertas 70GSM dan 80GSM. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor asas seperti harga yang murah, mudah diperolehi dalam pasaran, mampu menghasilkan mutu cetakan yang baik sama ada melibatkan kerja garisan (*Line work*) ataupun kerja separa ton (*Halftone work*) dan sama ada kerja cetakan satu warna atau lebih.

Kertas juga merupakan suatu elemen yang dapat dikaitkan bagi menilai sama ada sesuatu produk buku itu dianggap berkualiti atau sebaliknya. Buku yang baik bukan sahaja dinilai melalui isi kandungan malah ia melibatkan bentuk fizikal yang merupakan suatu aspek promosi bagi menarik minat pembeli dan pengguna. Selain itu, persembahan bentuk fizikal buku yang baik juga turut mempersembahkan imej yang baik terhadap syarikat dan seterusnya menstabilkan kedudukannya di pasaran.

Penerbit yang mementingkan mutu cetakan yang baik terhadap produk terbitan akan menggariskan beberapa spesifikasi yang perlu dipenuhi. Antara sifat-sifatnya seperti berat kertas atau *substance*, ketebalan kertas atau *caliper*, permukaan kertas sama ada yang licin atau kasar, permukaan yang tidak disalut (*uncoated*) atau disalut (*coated*), iaitu sama ada *matt* atau *gloss*, kadar kelegapan (*opacity*), kecerahan (*brightness*) dan *color shade*. Dalam pasaran kertas tempatan, *end-user* di Malaysia lebih mementingkan *color shade* yang cerah dan berbeza dengan *end-user* di Amerika yang lebih berminat dengan *color shade* yang lebih *natural*. Untuk itu, penerbit perlu berbelanja lebih untuk memperolehi bekalan kertas yang baik. Ini kerana kertas yang berkualiti akan dapat menghasilkan mutu cetakan yang baik, iaitu mencapai *standard* yang ditetapkan seperti kedudukan *register* yang tepat, warna cetakan sama atau hampir sama dengan *color proof*.

Oleh itu, aspek kualiti kertas amat penting untuk dititikberatkan bagi setiap penerbit, memandangkan ia boleh menyumbang berlakunya pelbagai masalah sewaktu percetakan. Apa yang diharapkan, dengan menggunakan jenis kertas yang berkualiti dapat menjadi salah satu elemen untuk mendapatkan kualiti cetakan yang baik selain dibantu dengan mesin cetak yang dalam keadaan baik dan dikendalikan oleh operator cetak yang mahir. Malah permasalahan yang berlaku sewaktu proses percetakan juga akan menyebabkan peningkatan terhadap kos pengeluaran, misalnya seperti masalah kertas yang berhabuk, melengkung atau mengembang akan menyebabkan perjalanan mesin

cetak sering terganggu untuk kerja-kerja cucian dan sebagainya. Keadaan ini menyumbang kepada gunaan lebihan masa dan jadual penerbitan tidak dapat ditepati.

Salah satu tanggungjawab utama para penerbit adalah mengawal perbelanjaan pengeluaran. Dalam mengawal perbelanjaan pengeluaran yang melibatkan aspek kertas, pengetahuan berhubung urusan pembelian dan pengendalian kertas amat diperlukan. Pengetahuan yang dimiliki akan memudahkan lagi segala urusan perniagaan tersebut. Selain itu, kemungkinan untuk menghadapi risiko dieksplotasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dapat dihindarkan. Dengan memahami proses urusniaga kertas, maka penerbit akan cuba mendapatkan harga yang terendah dalam proses pembelian tanpa mengetepikan aspek kualiti. Pengetahuan yang dimiliki membolehkan para penerbit mengawal kos pengeluaran dan memastikan pembaziran terhadap gunaan kertas dapat dilakukan.

Untuk memenuhi permintaan kertas tempatan dan menjadikan negara maju dalam pelbagai bidang, terdapat usaha-usaha kerajaan untuk memajukan lagi perusahaan membuat palpa dan kertas negara. Ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pengekspor kertas di samping memenuhi permintaan kertas tempatan yang kian meningkat dari tahun ke tahun. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui peningkatan jumlah permohonan yang diterima bagi industri kertas, percetakan dan penerbitan yang bernilai RM1,268.8

uta pada tahun 1999 berbanding tahun 1998, sebanyak RM557.4 juta (*The Performance of The Manufacturing Sector in Malaysia 1999*).

Borneo Pulp & Paper merupakan projek mega kerajaan Malaysia yang dijalankan untuk menghasilkan produk palpa kimia dan *writing/printing paper* dan terletak di Sarawak. Malaysia Timur, merupakan suatu tempat yang ideal untuk menghasilkan palpa dan kertas. Ini kerana ia memiliki kawasan hutan yang luas dan terdapat jenis pokok yang sesuai untuk menghasilkan palpa seperti *Acacia mangium* dan *Eucalyptus*. Kilang ini dijangka akan memulakan operasinya secara komersil pada tahun 2003 (*Brief on The Pulp & Paper Industry*).

Bagi membolehkan perusahaan penerbitan buku negara mengorak langkah untuk maju dan dapat meningkatkan tahap profesionalisme, maka para penerbit seharusnya tidak meletakkan persoalan berhubung keuntungan komersil semata-mata, tetapi perlu ada kesedaran bagi memikirkan persoalan teknikal dan proses-proses penerbitan. Selain itu, perlu wujud suatu jalinan kerjasama yang erat di antara penerbit dengan industri sokongan seperti pencetak dan pembekal kertas. Diharapkan maklumat-maklumat di dalam penyelidikan ini dapat menjurus atau menyumbang kepada penyelidikan lanjutan dan seterusnya dapat memberi suatu hasil yang lebih jelas dan mendalam.